1.	**PEMBANTU JURUPULIH CARA KERJA** **KEMENTERIAN KESIHATAN** **M.3 EB.4 ($570 - $1,175 SEBULAN)** **KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) 4 Kepujian / Kredit mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa atau sebanding termasuk mata pelajaran Sains dan Inggeris.

   Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

ATAU

b) Telah berkhidmat di Kementerian Kesihatan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji M.2 atau sekurang-kurangnya dalam tanggagaji E.1 atau sebanding tidak kurang 5 tahun.

ATAU

c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji M.2 atau sekurang-kurangnya dalam tanggagaji E.1 atau sebanding tidak kurang 6 tahun.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Membantu pegawai atasan di dalam pemeriksaan klinikal dan perawatan penyakit yang memerlukan rawatan kaedah Pemulihan Cara Kerja.

2. Memberikan rawatan kaedah Pemulihan Cara Kerja seperti *therapeutic exercises* dan membantu di dalam memberikan kaedah rawatan pemulihan atau permasaalahan anggota tubuh badan termasuk neurologi, ortopedik dan sebagainya mengikut arahan serta pengawasan dan bimbingan Jurupulih Cara Kerja.

3. Memantau perkembangan keadaan pesakit serta memaklumkan mengenainya kepada Jurupulih Cara Kerja.

4. Menyediakan laporan-laporan statistik pesakit dan Perkhidmatan Pemulihan Cara Kerja jika diperlukan.

5. Mengkoordinasikan stok keperluan Pemulihan Cara kerja dan menyediakan laporan mengenai jumlah stok barang-barang.

6. Menyediakan peralatan-peralatan kaedah rawatan yang diperlukan untuk rawatan pemulihan Cara Kerja.

7. Memastikan penjagaan semua peralatan-peralatan kaedah rawatan Pemulihan Cara Kerja berfungsi dengan baik dan tempat rawatan kemas dan bersih.

8. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.